

KUALA LUMPUR, 3 NOV (BERNAMA) -- JAWATANKUASA PENAPIS USUL UMNO MUNGKIN MELULUSKAN USUL MEMBAHASKAN CAMPUR TANGAN ISTANA DALAM POLITIK PADA PERHIMPUNAN AGUNG PARTI BERMULA 29 NOV INI BERDASARKAN MINAT RAMAI MENGENAI ISU ITU.

PRESIDEN PARTI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI BERKATA MENGIKUT AMALAN BIASA UMNO, JIKA SESUATU USUL ITU MENARIK MINAT RAMAI DI KALANGAN ANGGOTA UMNO, MAKA JAWATANKUASA PENAPIS AKAN MENGAMBIL KIRA MINAT ITU.

+SETAKAT INI MAJLIS TERTINGGI UMNO BELUM LAGI MENGETAHUI BENTUK DAN ISI SEBENAR USUL YANG DICADANGKAN OLEH DUA BAHAGIAN UMNO DI PULAU PINANG INI,+ KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI.

USUL ITU AKAN DIKEMUKAKAN OLEH UMNO BAHAGIAN JELUTONG DAN TANJONG SERTA DISOKONG OLEH SEMBILAN LAGI BAHAGIAN UMNO DI PULAU PINANG, UMNO MELAKA DAN UMNO KEDAH.

PERDANA MENTERI BERKATA JIKA USUL ITU DIPILIH, JAWATANKUASA PENAPIS AKAN MEMASTIKAN ISI USUL ITU TEPAT DAN MENGANDUNGI HASRATNYA YANG SEBENAR.

JIKA PERLU AYATNYA AKAN DIPERBETULKAN SUPAYA ISI KANDUNGAN JELAS SEPERTI YANG DIMAKSUDKAN, KATANYA. -- LAGI  
1537MST 03 11 90

DD58

U B447 AAB  
MAHATHIR - USUL 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA MEMANDANGKAN BEGITU BANYAK BAHAGIAN MENYATAKAN PENDIRIAN MEREKA TENTANG PERKARA ITU, MAKA MT TIDAK BOLEH MENGHALANG MEREKA MEMBENTANGKAN USUL BERKENAAN.

KATANYA, MESYUARAT MT HARI INI BERPENDAPAT IA SEDAR AKAN KONTRAVERSI YANG WUJUD DARIPADA APA YANG BERLAKU SEMASA PILIHAN RAYA HINGGA MENYEBABKAN USUL ITU DICADANGKAN, TETAPI TIDAK AKAN MEMPENGARUHI MANA-MANA PIHAK.

+TERPULANGLAH KEPADA MEREKA MEMBUAT APA-APA USUL BERKENAAN KEJADIAN DI SEBUAH NEGERI YANG RAJANYA MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM POLITIK,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA MT MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK TIDAK MEMBENARKAN MANA-MANA ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI DAN PENERUSI PERHUBUNGAN UMNO NEGERI, KECUALI WILAYAH PERSEKUTUAN, MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN BAHAGIAN KECUALI MEREKA ITU KETUA BAHAGIAN SENDIRI.

KATANYA, ARAHAN ITU JUGA MELIPUTI MESYUARAT BAHAGIAN BAGI PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA.

BAGAIMANAPUN, HANYA ENCIK GHAFAR BABA SAHAJA SEBAGAI PENERUSI PERHUBUNGAN UMNO WILAYAH PERSEKUTUAN YANG DIBENARKAN MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN TUJUH BAHAGIAN UMNO WILAYAH PERSEKUTUAN SECARA SERENTAK. -- LAGI  
1555MST 03 11 90

DD66

U B452 AAB  
MAHATHIR - USUL 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU SENDIRI HANYA AKAN MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU ATAS SIFATNYA SEBAGAI KETUA BAHAGIAN ITU.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA KEPUTUSAN ITU DIBUAT UNTUK MENJIMATKAN MASA DI SMAPING KEMUNGKINAN MENGURANGKAN KEMPEN DALAM PROSES MEREKUT JAWATAN PADA PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN PARTI SEMASA PERHIMPUNAN AGUNG KELAK.

+KITA MAHU BERLAKU ADIL KEPADA SEMUA. OLEH ITU ELOKLAH MESYUARAT DIRASMIKAN OLEH KETUA BAHAGIAN MASING-MASING,+ KATANYA.

MESYUARAT ITU JUGA MEMUTUSKAN BAHAWA TARIKH AKHIR MESYUARAT BAHAGIAN, TERMASUK PEMUDA DAN WANITA, IALAH PADA 18 NOV INI UNTUK MEMBOLEHKAN SEMUA LAPORAN SAMPAI MENJELANG PERSEDIAAN PERHIMPUNAN AGUNG.-- BERNAMA